- ii) Ketua Jabatan perlu memastikan supaya penyediaan SKT dilaksanakan berpandukan kepada panduan di **Lampiran C** kepada Surat Pekeliling Perkhidmatan supaya penilaian prestasi dapat dilaksanakan dengan adil dan telus.

d) Dimensi Teras (bagi Kumpulan Pengurusan Tertinggi)

- i) Dimensi Teras ini merangkumi aspek kepimpinan dan pengurusan yang tinggi, seperti pemikiran strategik, keberkesanan komunikasi dan mewujudkan kesefahaman, mewujudkan jalinan hubungan yang harmoni dan komitmen secara berpasukan, memupuk budaya pembelajaran dan menunjukkan ciri-ciri pemimpin yang mempunyai sahsiah dan nilai positif yang tinggi. Aspek ini dinilai amalannya semasa melaksanakan tugas kerana ianya mendorong pelakuan positif kepada PYD dan pegawai lain untuk melakukan tugas dengan bersungguh-sungguh mengikut peraturan dan nilai yang ditetapkan dalam perkhidmatan awam.
- ii) Wajaran markah bagi Dimensi Teras untuk Jawatan Utama adalah **50 peratus** manakala untuk Jawatan Gred Khas adalah **40 peratus**.
- iii) Penilaian Dimensi Teras dibuat oleh PPP dan PPK berpandukan item penilaian yang ditetapkan dalam borang LNPT dan skala penilaian antara 1 hingga 4 seperti berikut:

TAHAP	SKALA	PENJELASAN
Cemerlang (<i>Exceptional</i>)	4	Sentiasa melebihi ekspektasi yang ditetapkan.
Melebihi Jangkaan (<i>Exceeds Expectation</i>)	3	Melebihi ekspektasi yang ditetapkan.
Memenuhi Jangkaan (<i>Meets Expectation</i>)	2	Mencapai ekspektasi yang ditetapkan.
Di Bawah Jangkaan (<i>Below Expectation</i>)	1	Tidak mencapai ekspektasi yang ditetapkan.

e) Dimensi Teras (bagi Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Pelaksana)

- i) Dimensi Teras bagi Kumpulan Pengurusan dan Profesional merangkumi ciri-ciri kepemimpinan seperti berwawasan, komitmen, kebolehan membuat keputusan, menggerak dan memberi dorongan ke arah pencapaian objektif organisasi di samping keupayaan mengurus sumber di bawah kawalannya, proaktif, keberkesanan komunikasi dan jalinan hubungan yang harmoni di samping aspek pembangunan kompetensi dan daya kawal diri.
- ii) Manakala bagi Kumpulan Pelaksana pula, Dimensi Teras merangkumi ciri-ciri kualiti peribadi dari aspek kepimpinan, keupayaan mengurus sumber di bawah kawalannya, proaktif, keberkesanan komunikasi dan jalinan hubungan yang harmoni di samping aspek pembangunan kompetensi dan daya kawal diri.
- iii) Aspek pembangunan kompetensi dan daya kawal diri ini dimasukkan sebagai ciri-ciri kualiti peribadi yang dinilai amalannya semasa melaksanakan tugas. Aspek ini juga mendorong perlakuan positif pegawai supaya melaksanakan tugas mengikut peraturan dan nilai-nilai murni.
- iv) Wajaran markah Dimensi Teras untuk Kumpulan Pengurusan dan Profesional adalah **50 peratus** manakala untuk Kumpulan Pelaksana adalah **30 peratus**.
- v) Penilaian Dimensi Teras dibuat oleh PPP dan PPK berpandukan item penilaian yang ditetapkan dalam borang LNPT dengan skala penilaian antara 1 hingga 10:

TAHAP	SKALA	PENJELASAN
Cemerlang	10	Sentiasa mempamerkan perlakuan secara efektif termasuk dalam situasi sukar dan tertekan. (100%)
	9	Seringkali mempamerkan perlakuan secara efektif dalam kebanyakan situasi sukar. (90%)
Baik	8	Sentiasa mempamerkan perlakuan secara efektif. (80%)
	7	Seringkali mempamerkan perlakuan secara efektif. (70%)
Sederhana	6	Selalu mempamerkan perlakuan yang dikehendaki secara efektif. (60%)
	5	Kebiasaannya mempamerkan perlakuan yang dikehendaki. (50%)
Lemah	4	Kadang-kala mempamerkan perlakuan sebagaimana yang dikehendaki. (40%)
	3	Jarang-jarang mempamerkan perlakuan sebagaimana yang dikehendaki. (30%)
Sangat Lemah	2	Sesekali mempamerkan perlakuan sebagaimana yang dikehendaki. (20%)
	1	Kurang mempamerkan perlakuan sebagaimana yang dikehendaki. (10%)

f) Dimensi Fungsian (bagi Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Pelaksana)

- i) Dimensi Fungsian mengukur pengeluaran atau *output* oleh seseorang pegawai dalam bentuk kuantitatif dan kualitatif dalam tahun penilaian. PPP dan PPK hendaklah merujuk Sasaran Kerja Tahunan (SKT) PYD semasa menilai aspek ini.
- ii) Wajaran markah Dimensi Fungsian untuk Kumpulan Pengurusan dan Profesional adalah **45 peratus** manakala untuk Kumpulan Pelaksana adalah **65 peratus**.
- iii) Ketua Perkhidmatan boleh mengubahsuai item penilaian yang terdapat dalam dimensi ini untuk disesuaikan dengan jawatan dan bidang tugas pegawai. Walau bagaimanapun, wajaran bagi dimensi ini dikekalkan.

- iv) Penilaian Dimensi Fungsian dibuat oleh PPP dan PPK berpandukan kepada item penilaian yang ditetapkan dalam borang LNPT. Pemberian markah bagi **item penilaian 1 hingga 4** yang berkaitan dengan **penghasilan kerja** hendaklah merujuk kepada skala 1 hingga 10 seperti berikut:

TAHAP	SKALA	PENJELASAN
Sangat Tinggi	10	Hasil kerja sentiasa melebihi sasaran yang telah ditentukan.
	9	Hasil kerja kerap kali melebihi sasaran yang telah ditentukan.
Tinggi	8	Hasil kerja kadangkala melebihi sasaran yang telah ditentukan.
	7	Hasil kerja sentiasa mencapai sasaran yang telah ditentukan.
Sederhana	6	Hasil kerja kerap kali mencapai sasaran yang telah ditentukan.
	5	Hasil kerja kadangkala mencapai sasaran yang telah ditentukan.
Rendah	4	Hasil kerja sentiasa mendekati sasaran yang telah ditentukan.
	3	Hasil kerja kerap kali mendekati sasaran yang telah ditentukan.
Sangat Rendah	2	Hasil kerja kadangkala mendekati sasaran yang telah ditentukan.
	1	Hasil kerja sentiasa di bawah sasaran yang telah ditentukan.

- v) Pemberian markah bagi **item penilaian 5 dan 6** yang berkaitan dengan **ilmu pengetahuan dan kemahiran/ kepakaran** hendaklah merujuk kepada skala 1 hingga 10 seperti berikut:

TAHAP	SKALA	PENJELASAN
Sangat Tinggi	10	Mempunyai pengetahuan dan kemahiran/ kepakaran yang sangat luas dan mendalam dalam bidang tugasnya diakui kemahiran/ kepakarannya serta sentiasa menjadi sumber rujukan dalam/ luar organisasi dan berupaya mencipta ilmu baru. (<i>knowledge creator</i>)
	9	Mempunyai pengetahuan dan kemahiran/ kepakaran yang sangat luas dan mendalam dalam bidang tugasnya diakui kemahiran/ kepakarannya serta sentiasa menjadi sumber rujukan dalam/ luar organisasi (<i>knowledge mastery</i>)
Tinggi	8	Mempunyai pengetahuan dan kemahiran/ kepakaran yang luas dalam bidang tugasnya serta kerap kali menjadi sumber rujukan dalam/ luar organisasi
	7	Mempunyai pengetahuan dan kemahiran/ kepakaran yang luas dalam bidang tugasnya serta kadangkala menjadi sumber rujukan dalam/ luar organisasi
Sederhana	6	Mempunyai pengetahuan dan kemahiran/ kepakaran yang mencukupi dalam bidang tugasnya.
	5	Mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan dalam bidang tugasnya tetapi kadangkala memerlukan bimbingan.
Rendah	4	Mempunyai pengetahuan dan kemahiran asas dalam bidang tugasnya dan kadangkala memerlukan bimbingan.
	3	Kurang pengetahuan dan kemahiran asas dalam bidang tugasnya dan kerap kali memerlukan bimbingan.
Sangat Rendah	2	Kurang pengetahuan dan kemahiran asas dalam bidang tugasnya dan sentiasa memerlukan bimbingan.
	1	Tiada pengetahuan dan kemahiran asas dalam bidang tugasnya dan sentiasa memerlukan bimbingan.

Dimensi Sumbangan

g) Sumbangan Idea Inovatif/ Kreatif Ke Arah Pencapaian Visi Dan Misi Organisasi Dan Negara

- i) PYD hendaklah menyenaraikan **dua (2)** sumbangan idea inovatif/ kreatif yang tertinggi dan peringkat pencapaiannya. Sumbangan idea inovatif/ kreatif bermaksud cetusan idea inovatif/ kreatif dalam semua aspek kerja untuk peningkatan kualiti dan produktiviti di samping kebolehan atau keupayaan PYD untuk mencipta, mewujudkan dan menghasilkan sesuatu yang baru ke arah mencapai visi dan misi organisasi dan negara. Sumbangan idea inovatif/ kreatif ini dihasilkan sama ada melalui individu itu sendiri atau melalui perbincangan secara berkumpulan. Contoh pengisian adalah seperti berikut:

BIL	SENARAI SUMBANGAN IDEA INOVATIF/ KREATIF	PERINGKAT PENCAPAIAN
1.	Sistem E-Pertukaran	Dilaksana di peringkat jabatan
2.	Sistem E-Pangkat	Dalam penyediaan pelaksanaan

- ii) Wajaran markah Dimensi Sumbangan Idea Inovatif/ Kreatif untuk semua kumpulan pegawai adalah **5 peratus**. Penilaian Dimensi Sumbangan Idea Inovatif/ Kreatif adalah dilaksanakan oleh PPP dan PPK berpandukan skala penilaian antara 1 hingga 5 yang mengambil kira peringkat pencapaian pelaksanaan idea inovatif/ kreatif yang disumbangkan.

iii) Skala penilaian adalah seperti berikut:

TAHAP	SKALA	PENJELASAN
Cemerlang	5	Sumbangan idea inovatif/ kreatif yang berjaya dilaksanakan di peringkat agensi/ kementerian/ komuniti/ negara
Sangat Baik	4	Sumbangan idea inovatif/ kreatif yang berjaya dilaksanakan di peringkat bahagian/ cawangan
Baik	3	Sumbangan idea inovatif/ kreatif yang berjaya dilaksanakan di peringkat unit bahagian/ jabatan
Sederhana Baik	2	Sumbangan idea inovatif/ kreatif dalam proses pelaksanaan
Memuaskan	1	Sumbangan idea inovatif/ kreatif yang telah diberi untuk pertimbangan agensi.

iv) Berikut adalah contoh pengiraan markah bagi Dimensi Sumbangan ini:

BIL	SENARAI SUMBANGAN IDEA INOVATIF/ KREATIF	PERINGKAT PENCAPAIAN	PPP	PPK
1.	Sistem E-Pertukaran	Dilaksana di peringkat jabatan	5	5
2.	Sistem E-Pangkat	Dalam penyediaan pelaksanaan	2	2
JUMLAH MARKAH MENGIKUT WAJARAN			$7 / 10 \times 5 = 3.5$	$7 / 10 \times 5 = 3.5$

h) Kegiatan dan Sumbangan di Luar Tugas Rasmi (bagi Kumpulan Pengurusan Tertinggi)

- Kegiatan dan Sumbangan di Luar Tugas Rasmi bermaksud penglibatan PYD dalam aktiviti sukarela di luar tugas rasmi jawatannya seperti sukan, pertubuhan atau sumbangan kreatif (misalnya penulisan, kesenian dan penemuan) di peringkat komuniti, jabatan, daerah, negeri dan negara.
- Wajaran markah bagi aspek Kegiatan dan Sumbangan di Luar Tugas Rasmi adalah **5 peratus**.

- iii) Penilaian aspek Kegiatan dan Sumbangan di Luar Tugas Rasmi dibuat oleh PPP dan PPK berpandukan kaedah memberi pemarkahan antara 1 hingga 10 seperti berikut:

PERINGKAT/ KEAKTIFAN (Bil Aktiviti)	Pemarkahan					
	A'bangsa/ Kbgsaan	Negeri	Daerah	Komuniti/ Jabatan	Bhg	Cwgn./ Unit
SANGAT AKTIF (8 aktiviti dan ke atas)	10	9	8	7	6	5
Pengerusi hingga Bendahari						
AKTIF (6-7 aktiviti)	9	8	7	6	5	4
AJK						
SEDERHANA AKTIF (4-5 aktiviti)	8	7	6	5	4	3
KURANG AKTIF (2-3 aktiviti)	7	6	5	4	3	2
TIDAK AKTIF (1 aktiviti)	6	5	4	3	2	1
TIADA PENGLIBATAN	-	-	-	-	-	-

- iv) Contoh huraian kepada jadual pemarkahan di atas adalah seperti berikut:

KEAKTIFAN	PENERANGAN	MARKAH
Sangat aktif	• Bilangan aktiviti 8 dan ke atas, sekurang-kurangnya 1 aktiviti peringkat antarabangsa/ kebangsaan; atau • Berjawatan sekurang-kurangnya exco di peringkat antarabangsa/ kebangsaan.	10
	• Bilangan aktiviti 8 dan ke atas, sekurang-kurangnya 1 aktiviti peringkat negeri; atau • Berjawatan exco di peringkat negeri; atau • Berjawatan AJK di peringkat antarabangsa/ kebangsaan.	9

v) Contoh pemberian markah seperti berikut:

- PYD mendapat markah penuh 5:

BIL	SENARAI KEGIATAN/ AKTIVITI/ SUMBANGAN	JAWATAN	PERINGKAT/ PENCAPAIAN	PPP	PPK
1.	Puspanita	Bendahari	Kebangsaan	10	10
2.	Menyertai Pertandingan Boling Padang	Peserta	Bahagian		
3.	Menyertai Pertandingan Mencipta Logo	Peserta	Bahagian		
JUMLAH MARKAH MENGIKUT WAJARAN				$\frac{10}{10} \times 5 = 5$	$\frac{10}{10} \times 5 = 5$

- PYD mendapat markah penuh 4.5:

BIL	SENARAI KEGIATAN/ AKTIVITI/ SUMBANGAN	JAWATAN	PERINGKAT/ PENCAPAIAN	PPP	PPK
1.	Yayasan Salam	AJK Logistik	Kebangsaan	9	9
2.	PIBG Sekolah	Yang diPertua	Komuniti		
3.	Program Team Building Jabatan A	Pengurus Acara	Jabatan		
JUMLAH MARKAH MENGIKUT WAJARAN				$\frac{9}{10} \times 5 = 4.5$	$\frac{9}{10} \times 5 = 4.5$

i) Latihan (bagi Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Pelaksana)

- i) PYD hendaklah menyenaraikan latihan yang meliputi **latihan yang telah dihadiri** dalam tahun yang dinilai yang merangkumi kursus, seminar, persidangan dan lain-lain termasuk jumlah hari berkursus di ruang yang ditetapkan.
- ii) PYD juga hendaklah menyenaraikan **latihan yang diperlukan** bagi meningkatkan pengetahuan/ kemahiran berhubung dengan pelaksanaan tugasnya sekarang dan masa hadapan. PYD hendaklah menyatakan bidang dan pengkhususan latihan serta sebab-sebab diperlukan.

j) Laporan Pemeriksaan Kesihatan

- i) Laporan pemeriksaan kesihatan ini adalah untuk diisi oleh PYD yang berada dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Gred 1-6 atau setaraf) sahaja.
- ii) PYD dikehendaki mengesahkan pemeriksaan kesihatan yang telah dijalani dalam tahun penilaian dengan melampirkan laporan pemeriksaan kesihatan yang berkenaan dalam borang LNPT.

k) Markah Purata dan Ulasan Pegawai Penilai (bagi Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Pelaksana)

- i) Elemen ini meliputi jumlah markah yang diberikan oleh PPP dan PPK dan ulasan keseluruhan prestasi PYD. Bagi tujuan itu, PPP dan PPK masing-masing hendaklah menjumlahkan markah dalam bentuk peratusan (%) di **Bahagian III(A), Bahagian III(B)** dan **Bahagian III(C)** di Borang LNPT dan membuat ulasan selaras dengan pencapaian prestasi kerja PYD secara keseluruhan. Kaedah pengiraan seperti berikut:

JUMLAH MARKAH DAN ULASAN	PPP		PPK		MARKAH PURATA PP
	90	Ulasan: Prestasi pegawai	87	Ulasan: Prestasi pegawai	*(a) 88.50





* (a) = $(90 + 87) / 2 = 88.50$

- ii) PPP juga boleh mencatatkan ulasan yang tidak diliputi dalam laporan penilaian prestasi pegawai seperti kualiti istimewa PYD atau sebaliknya yang ada kaitan dengan **pembangunan kerjaya** dan **perancangan tenaga manusia** dalam organisasi. PPP juga hendaklah mengemukakan cadangan bagi meningkatkan prestasi dan pembangunan kerjaya PYD.
- iii) PPP hendaklah **memaklumkan kepada PYD** mengikut cara yang sesuai **mengenai prestasi PYD khususnya kekuatan dan kelemahan** yang perlu diperbaiki oleh PYD dan seterusnya mengesahkannya dengan menandatangani di ruangan yang disediakan.
- iv) PPK hendaklah membuat ulasan keseluruhan mengenai prestasi PYD dan penilaian yang telah dibuat. PPK juga boleh mencatatkan perkara lain yang ada hubungan dengan prestasi dan kualiti peribadi PYD yang tidak diliputi oleh laporan penilaian prestasi yang dibuat oleh PPP.
- v) Sekiranya terdapat perbezaan penilaian yang ketara antara PPP dan PPK, khususnya yang menyebabkan markah prestasi keseluruhan berada dalam kategori rendah, PPK hendaklah menyatakan alasan perbezaan itu dan memaklumpkannya kepada PYD.

I) Jumlah Markah Keseluruhan

- i) Bagi Kumpulan Pengurusan Tertinggi, elemen ini adalah terdiri daripada markah purata yang diberikan oleh PPP dan PPK dalam Bahagian II dan Bahagian III Borang LNPT JPA (Prestasi) 1/2012 dan 2/2012. Urus Setia PPSM hendaklah melengkapkan perkiraan markah purata PP, RS dan PS untuk mendapatkan Jumlah Markah Keseluruhan PYD dan seterusnya

menandakan (✓) dalam kotak Pencapaian Keseluruhan PYD. Contoh pengisian seperti berikut:

JUMLAH MARKAH KESELURUHAN				MARKAH PANEL PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA	<table><tr><th>Rating</th><th>Markah</th><th>Pencapaian Keseluruhan</th></tr><tr><td>ST</td><td>95 - 100</td><td></td></tr><tr><td>ET</td><td>85 - <95</td><td></td></tr><tr><td>OT</td><td>75 - <85</td><td>√</td></tr><tr><td>BT</td><td><75</td><td></td></tr></table>	Rating	Markah	Pencapaian Keseluruhan	ST	95 - 100		ET	85 - <95		OT	75 - <85	√	BT	<75	
Rating	Markah	Pencapaian Keseluruhan																		
ST	95 - 100																			
ET	85 - <95																			
OT	75 - <85	√																		
BT	<75																			
a) BAHAGIAN II PETUNJUK PRESTASI UTAMA	30 / 40			(Diisi oleh Urus Setia PPSM)																
b) BAHAGIAN III (A) DIMENSI TERAS	45 / 50			(A)+(B)																
c) BAHAGIAN III (B) – SUMBANGAN IDEA INOVASI DAN KREATIF	3 / 5																			
d) BAHAGIAN III (C) – SUMBANGAN DI LUAR TUGAS RASMI	4 / 5																			
MARKAH PURATA Rakan Sekerja (RS) & Pegawai di Bawah Seliaan (PS)	85 / 100	8.5 / 10		(B)																

Sila tanda (√) pada yang berkenaan.		
-------------------------------------	--	--

- ii) Bagi Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Pelaksana, elemen ini meliputi markah purata yang diberikan oleh PPP dan PPK, markah purata RS dan markah purata PS (Untuk Gred 1-6 atau setaraf sahaja) dan markah PPSM dengan jadual pemarkahan seperti berikut:

JUMLAH MARKAH KESELURUHAN				MARKAH PPSM	<table><tr><th>Rating</th><th>Markah (%)</th><th>Pencapaian Keseluruhan</th></tr><tr><td>ST</td><td>95 - <100</td><td></td></tr><tr><td>ET</td><td>85 - <95</td><td></td></tr><tr><td>OT</td><td>65 - <85</td><td></td></tr><tr><td>BT</td><td>< 65</td><td></td></tr></table>	Rating	Markah (%)	Pencapaian Keseluruhan	ST	95 - <100		ET	85 - <95		OT	65 - <85		BT	< 65	
Rating	Markah (%)	Pencapaian Keseluruhan																		
ST	95 - <100																			
ET	85 - <95																			
OT	65 - <85																			
BT	< 65																			
MARKAH PURATA PP (a)		(a) x / 100 =	(a) + (b) + (c) 	(Diisi oleh Urus Setia PPSM)																
Untuk Gred 1-6 atau setaraf sahaja	MARKAH PURATA RS (b)	(b) x / 100 =																		
	MARKAH PURATA PS (c)	(c) x / 100 =																		

- iii) Markah dalam kotak bagi (a), (b) dan (c) hendaklah disesuaikan mengikut perjawatan dan penyandang sedia ada. Bagi situasi di mana PYD

tidak mempunyai pegawai penilai sama ada di peringkat RS atau PS, wajaran yang ditetapkan adalah:

Pegawai Penilai	Wajaran (%)			
	A	B	C	D
Pegawai Penilai Pertama/ Pegawai Penilai Kedua	90	95	95	100
Rakan Sekerja	5	5	-	-
Pegawai Di Bawah Seliaan	5	-	5	-
JUMLAH	100	100	100	100

- iv) Pengiraan markah purata PP (a) diambil daripada Bahagian VI dalam Borang LNPT JPA (Prestasi) 3/2012 seperti berikut:

JUMLAH MARKAH KESELURUHAN			MARKAH PANEL PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA
MARKAH PURATA PP (a)	(a) <u>88.50</u> x / 100 = ____	(a) + (b) + (c)	(Diisi oleh Urus Setia PPSM)

- v) Markah RS dan PS diambil daripada Borang LNPT JPA (Prestasi) 6/2012. Bagi markah purata 2 orang RS (b) atau 2 orang PS (c) dalam Jumlah Markah Keseluruhan, contoh perkiraan adalah seperti berikut:

Rakan Sekerja	Markah Diperoleh (d)	Markah Purata	Wajaran Markah
I	<u>65</u> / 70 x 100 = 92.86	157.15 / 2 = <u>78.58</u>	78.58 / 100 x 5 = <u>3.93</u>
II	<u>45</u> / 70 x 100 = 64.29		
JUMLAH MARKAH		157.15	

- vi) Urus Setia PPSM hendaklah melengkapkan perkiraan markah purata PP, RS dan PS untuk mendapatkan Jumlah Markah Keseluruhan PYD dan seterusnya menandakan (✓) dalam kotak Pencapaian Keseluruhan PYD. Berikut adalah contoh pengisian:

JUMLAH MARKAH KESELURUHAN				MARKAH PPSM					
MARKAH PURATA PP (a)		(a) <u>88.50</u> x 90 / 100 = 79.65		(a) + (b) + (c)	(Diisi oleh Urus Setia PPSM)	Rating	Markah (%)	Pencapaian Keseluruhan	
Untuk Gred 1-6 atau setaraf sahaja	MARKAH PURATA RS (b)	(b) <u>78.58</u> x 5 / 100 = 3.93				87.77	ST	95 - <100	
	MARKAH PURATA PS (c)	(c) <u>83.70</u> x 5 / 100 = 4.19					ET	85 - <95	√
				OT			65 – <85		
				BT			< 65		

3. Panduan pengisian ini hendaklah dijadikan sebagai sumber rujukan yang dapat membantu pegawai dalam penyediaan Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT). Penyediaan LNPT yang teratur akan membolehkan proses penilaian dilaksanakan secara adil, objektif dan telus.

**PANDUAN PELAKSANAAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)
KUMPULAN PENGURUSAN TERTINGGI**

PERKARA	MUKA SURAT
Takrif dan Kepentingan Petunjuk Prestasi Utama (<i>Key Performance Indicator - KPI</i>)	2 - 3
Konsep KPI	3 - 9
Pembangunan dan Penilaian KPI	10 - 12
Lampiran-lampiran (a) Lampiran B1: Contoh Template KPI <i>Tier 2</i> (b) Lampiran B2: Contoh Template KPI <i>Tier 3</i> dan ke bawah (c) Lampiran B3: Contoh Penjelasan Penetapan KPI (Kamus KPI) <i>Tier 2</i> (d) Lampiran B4: Contoh Penjelasan Penetapan KPI (Kamus KPI) <i>Tier 3</i> dan ke bawah (e) Lampiran B5: Contoh Laporan Pencapaian KPI Tahunan <i>Tier 2</i> (f) Lampiran B6: Contoh Laporan Pencapaian KPITahunan <i>Tier 3</i> dan ke bawah	13 - 34

TAKRIF DAN KEPENTINGAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA (*KEY PERFORMANCE INDICATOR - KPI*)

1. Petunjuk Prestasi Utama atau '*Key Performance Indicator*' (*KPI*), merupakan satu ukuran yang digunakan untuk mentakrif, menilai dan melapor kemajuan penyampaian perkhidmatan sesebuah organisasi atau seseorang individu.
2. KPI memberi hala tuju kepada setiap individu dan organisasi mengenai peranan mereka dalam melaksanakan sesuatu strategi bagi pencapaian sesuatu objektif. Secara ringkas, KPI juga boleh digambarkan sebagai:
 - 2.1 suatu parameter yang boleh diukur, telah dipersetujui bersama dan mencerminkan tahap prestasi sesebuah organisasi;
 - 2.2 petunjuk kejayaan yang membantu organisasi mentakrif dan mengukur kemajuan untuk mencapai matlamat organisasi; dan
 - 2.3 suatu kaedah mengukur pencapaian matlamat.
3. KPI digunakan sebagai salah satu mekanisme pengukuran pencapaian prestasi atas kepentingan berikut:
 - 3.1 untuk memantau prestasi dan pencapaian pegawai selari dengan bidang tanggungjawab dan keutamaan strategik negara dengan fokus ditumpukan kepada kesejahteraan rakyat;
 - 3.2 sebagai satu cara untuk menjajarkan pegawai dengan pencapaian hasil (terutama sekiranya pelaksanaan sesuatu dasar merentasi pelbagai agensi dan dengan itu memerlukan kerjasama kesemua agensi yang terlibat untuk memastikan kejayaannya); dan

- 3.3 sebagai satu bentuk komunikasi iaitu memberi satu gambaran kepada semua warga kerja dalam sesebuah organisasi mengenai kepentingan pencapaian prestasi serta fungsi dan peranan mereka dalam pencapaian KPI.

KONSEP PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)

4. Terdapat beberapa perkara asas yang perlu diberi perhatian dalam proses pembangunan KPI seperti berikut:

- 4.1 KPI yang dibangunkan menggambarkan bidang tugas utama (***core business***) sesebuah jabatan/ bahagian/ organisasi (sebaik-baiknya tidak melebihi 10 KPI);
- 4.2 KPI yang dipilih perlu mematuhi ciri-ciri ***S.M.A.R.T*** iaitu *Specific, Measurable, Attainable, Realistic* dan *Timely*;
- 4.3 KPI yang dibangunkan hendaklah dipersetujui bersama di antara Pegawai Yang Dinilai (PYD) dengan Pegawai Penilai (PP) melalui **perundingan**; dan
- 4.4 KPI yang dibangunkan bukannya berbentuk output semata-mata tetapi juga berbentuk **impak, outcome** (keberhasilan), **kecekapan** atau **produktiviti**. Sekiranya tidak dapat dielakkan, KPI berbentuk output boleh digunakan tetapi hendaklah berdasarkan kualiti dan bukannya bilangan semata-mata.

Asas Pembangunan KPI


5. Pembangunan KPI boleh dibuat berdasarkan perkara-perkara berikut:

5.1 Pembangunan KPI Berdasarkan Aliran Kerja

Pembangunan KPI boleh dibuat berdasarkan aliran kerja dengan mengenal pasti peringkat dan objektif aktiviti, program atau pelaksanaan dasar sesuatu kementerian/ jabatan/ agensi. KPI yang hendak dibangunkan hendaklah seboleh-bolehnya berada di akhir aliran iaitu impak. Sekiranya KPI tersebut tidak boleh diukur impaknya, peringkat sebelumnya dalam aliran kerja seperti peringkat *outcome*, *output*, proses atau prosedur atau kombinasi di antaranya boleh digunakan.

Sebagai contoh bagi KPI pembayaran bantuan sara hidup, KPI yang berbentuk impak adalah meningkatkan taraf ekonomi rakyat. Sekiranya KPI impak tidak dapat dilaksanakan, maka KPI berbentuk *outcome* iaitu pengurangan peratus Ketua Isi Rumah (KIR) Miskin/ Miskin Tegar boleh digunakan. KPI berbentuk *output* boleh digunakan dalam keadaan di mana KPI berbentuk impak dan *outcome* tidak dapat dilaksanakan. Walau bagaimanapun, KPI tersebut hendaklah tidak berdasarkan output semata-mata tetapi juga berdasarkan kualiti (Rujuk Contoh 1).

Contoh 1 : Pembayaran ‘Bantuan Sara Hidup’



5.2 Pembangunan KPI Berdasarkan Penjajaran Dengan Halatuju Nasional/ Dasar/ Pelan/ Wawasan/ Kementerian/ Jabatan/ Agensi

Pembangunan KPI boleh ditetapkan berdasarkan penjajaran dengan halatuju nasional/ dasar/ pelan/ wawasan/ sama ada di peringkat nasional atau kementerian/ jabatan/ agensi masing-masing. Sebagai contoh, sesuatu KPI boleh dibangunkan berdasarkan peranannya dalam *National Key Result Areas* (NKRA), Wawasan 2020, Misi Nasional, Rancangan Malaysia atau lain-lain dasar semasa Kerajaan.

Penetapan Tahap Sasaran

6. Proses penetapan sasaran KPI hendaklah mempunyai titik permulaan atau asas pencapaian. Penetapan sasaran ini perlu dibuat berdasarkan data pencapaian lepas dengan memberi perhatian kepada pencapaian semasa sama ada meningkat mahupun menurun atau pencapaian yang di luar kebiasaan. Di samping itu, pengenalpastian boleh dibuat berdasarkan visi atau misi kementerian/ jabatan/ agensi atau negara, standard-standard antarabangsa atau perbandingan dengan organisasi atau negara lain yang dijadikan sebagai tanda aras. Selain daripada itu, analisis trend semasa dengan mengambil kira perkara yang mungkin berlaku pada masa terdekat seperti senario ekonomi global juga boleh dijadikan asas penetapan sesuatu sasaran KPI.

7. Penetapan tahap sasaran sesuatu KPI ditentukan berdasarkan tiga (3) tahap sasaran seperti di Jadual 1 berikut:

Jadual 1: Penetapan Tahap Sasaran

Tahap Sasaran (Rating)	Penjelasan
<i>Significantly Exceeding Target (ST)</i>	Sasaran yang diharapkan pada masa hadapan dengan penambahan sumber dan peningkatan keupayaan. Tahap yang ditetapkan perlu mencabar keupayaan agensi tetapi masih realistik dan mampu dilaksanakan.

Tahap Sasaran (Rating)	Penjelasan
<i>Exceeding Target (ET)</i>	Sasaran berdasarkan sumber sedia ada + usaha penambahbaikan (contoh: automasi, urusan secara <i>online</i>).
<i>On Target (OT)</i>	Sasaran berdasarkan sumber sedia ada.

Penetapan Tahap Pencapaian

8. Tahap pencapaian ditentukan berdasarkan empat (4) tahap seperti di Jadual 2 berikut:

Jadual 2: Penetapan Tahap Pencapaian

Tahap Pencapaian (Rating)	Penjelasan
<i>Significantly Exceeding Target (ST)</i>	Pencapaian sangat melebihi tahap yang disasarkan
<i>Exceeding Target (ET)</i>	Pencapaian melebihi tahap yang disasarkan
<i>On Target (OT)</i>	Pencapaian pada tahap yang disasarkan
<i>Below Target (BT)</i>	Pencapaian di bawah tahap yang disasarkan

Kelompok dan Dimensi Prestasi

9. KPI bagi Kumpulan Pengurusan Tertinggi terbahagi kepada kelompok dan dimensi prestasi seperti di Jadual 3 berikut:

Jadual 3: Kelompok dan Dimensi Prestasi KPI

Bil	Kelompok	Dimensi Prestasi
1.	Tanggungjawab Bersama Jabatan	Kesan Kepada Masyarakat, Organisasi dan Perkhidmatan/ Kesan Kepada Organisasi dan Perkhidmatan
		Tadbir Urus dan Akauntabiliti
2.	Program/ Bahagian Secara Spesifik	Penyampaian Fungsi Utama dan Penambahbaikan Proses

Bil	Kelompok	Dimensi Prestasi
3.	Keberkesanan Peribadi	Kepimpinan Transformasi Agensi

10. **Kelompok Tanggungjawab Bersama Jabatan** mengandungi dua (2) dimensi prestasi iaitu Kesan Kepada Masyarakat, Organisasi dan Perkhidmatan/ Kesan Kepada Organisasi dan Perkhidmatan serta Tadbir Urus dan Akauntabiliti. Kelompok ini merupakan tanggungjawab bersama bagi pegawai dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi di sesebuah kementerian/ jabatan/ agensi. KPI di bawah Dimensi Kesan Kepada Masyarakat, Organisasi dan Perkhidmatan/ Kesan Kepada Organisasi dan Perkhidmatan adalah fleksible di mana kementerian/ jabatan/ agensi boleh menetapkan KPI yang bersesuaian bagi kementerian/ jabatan/ agensi masing-masing. KPI ini hendaklah dibangunkan oleh Bahagian yang bertanggungjawab secara langsung terhadap KPI tersebut. Contohnya jika KPI Indeks Kepuasan Hati Pelanggan dilaksanakan oleh Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP) sesebuah kementerian/ jabatan/ agensi, maka BKP bertanggungjawab untuk membangunkan KPI tersebut dalam aspek penetapan sasaran dan pembangunan Penjelasan Penetapan KPI (Kamus KPI).

11. Manakala di bawah Dimensi Tadbir Urus dan Akauntabiliti, penetapan KPI yang digunakan pada masa ini oleh penjawat di peringkat *First Tier* terdiri daripada *Star Rating* yang dibangunkan oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) dan Indeks Akauntabiliti yang dibangunkan oleh Jabatan Audit Negara (JAN). Justeru, penetapan sasaran dan pembangunan kamus bagi KPI ini hendaklah menggunakan KPI yang sama yang telah ditetapkan di peringkat jawatan *First Tier*. Kamus KPI bagi kedua-dua dimensi prestasi iaitu Kesan Kepada Masyarakat, Organisasi dan Perkhidmatan/ Kesan Kepada Organisasi dan Perkhidmatan serta Tadbir Urus dan Akauntabiliti adalah sama dan terpakai bagi semua penjawat dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi di kementerian/ jabatan/ agensi yang berkenaan.

12. **Kelompok Program/ Bahagian Secara Spesifik** merujuk kepada inisiatif dan program yang menjadi tanggungjawab spesifik seseorang pegawai. Kelompok ini mengukur dimensi prestasi penyampaian fungsi utama dan penambahbaikan proses di bawah tanggungjawab pegawai merangkumi perancangan, pembangunan, pelaksanaan matlamat serta objektif spesifik sesebuah kementerian/ jabatan/ agensi. Kelompok dan dimensi prestasi ini dibangunkan sendiri oleh PYD berdasarkan fungsi dan tanggungjawab jawatan masing-masing.

13. **Kelompok Keberkesanan Peribadi** merujuk kepada kualiti kepimpinan dan nilai-nilai teras yang ditonjolkan oleh seseorang pemimpin. Penilaian bagi kelompok ini akan dibuat melalui penilaian teras oleh PP, penilaian oleh Rakan Sejawat (RS) dan penilaian Pegawai Bawah Seliaan (PS) di dalam borang Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT).

Penetapan Lapisan Jawatan (*Tier*)

14. Bagi tujuan pelaksanaan KPI kepada Kumpulan Pengurusan Tertinggi, terdapat dua (2) lapisan jawatan (*tier*) yang perlu ditetapkan berdasarkan struktur organisasi kementerian/ jabatan/ agensi yang berkenaan. Penetapan *tier* perlu ditentukan bagi memastikan pegawai membangunkan KPI berdasarkan tugas jawatan. Contoh penetapan *tier* jawatan adalah seperti di Jadual 4 berikut:

Jadual 4: Penetapan *Tier* Berdasarkan Jawatan

Contoh: Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar

<i>Tier</i>	Jawatan
<i>Tier 1</i>	• Ketua Setiausaha Nota: Jawatan bagi <i>Tier 1</i> terdiri daripada jawatan Kumpulan Premier sahaja
<i>Tier 2</i>	• Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan Sumber Asli) • Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan Alam Sekitar) • Setiausaha Bahagian Kanan (Khidmat Pengurusan) • Ketua-ketua Pengarah Jabatan

Tier	Jawatan
Tier 3 dan ke bawah	• Setiausaha-setiausaha Bahagian • Timbalan-timbalan Ketua Pengarah Jabatan • Pengarah-pengarah Negeri

Penetapan Wajaran

15. Penetapan wajaran bagi kelompok dan dimensi prestasi adalah berbeza mengikut *tier* berdasarkan kepada tanggungjawab sesuatu lapisan jawatan. Wajaran kelompok dan dimensi prestasi mengikut *tier* adalah seperti di Jadual 5 berikut:

Jadual 5: Penetapan Wajaran Kelompok dan Dimensi Prestasi Mengikut Tier


Bil	Kelompok	Dimensi Prestasi	Wajaran	
			Tier 2	Tier 3 dan ke bawah
1.	Tanggungjawab Bersama Jabatan	Kesan Kepada Masyarakat, Organisasi dan Perkhidmatan/ Kesan Kepada Organisasi dan Perkhidmatan	20	20
		Tadbir Urus dan Akauntabiliti	40	20
2.	Program/ Bahagian Secara Spesifik	Penyampaian Fungsi Utama dan Penambahbaikan Proses	40	60
Jumlah			100	100
3.	Keberkesanan Peribadi	Kepimpinan Transformasi Agensi	Penilaian bagi kelompok dan dimensi prestasi ini dinilai dalam borang Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT)	

Contoh Template KPI Kumpulan Pengurusan Tertinggi adalah seperti di Lampiran B1 (*Tier 2*) dan Lampiran B2 (*Tier 3*).

PEMBANGUNAN DAN PENILAIAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)

Proses Pembangunan dan Penilaian KPI

16. Proses pembangunan dan penilaian KPI bagi Kumpulan Pengurusan Tertinggi adalah seperti berikut:



Rajah 1: Carta Alir Proses Pembangunan dan Penilaian KPI

16.1 Pembangunan KPI dan Penetapan Sasaran

Pembangunan dan penetapan sasaran KPI dilaksanakan pada bulan Disember sebelum tahun penilaian. KPI yang ditetapkan perlu disenaraikan di dalam Template KPI oleh PYD dan dikemukakan kepada Pegawai Penilai Pertama (PPP) untuk pengesahan dan kemudiannya dikemukakan kepada Pegawai Penilai Kedua (PPK) untuk persetujuan.

16.2 Pembangunan Penjelasan Penetapan KPI (Kamus KPI)

Pembangunan Kamus KPI adalah merupakan dokumen iringan kepada Templat KPI yang dilengkapi dengan penjelasan bagi setiap KPI yang telah dikenalpasti. Ianya merupakan perincian kepada setiap butiran yang dinyatakan dalam Templat KPI dan merangkumi perkara-perkara berikut:

- (a) definisi bagi setiap KPI yang dikenalpasti;
- (b) kaedah pengukuran yang akan digunakan bagi menilai pencapaian KPI berkenaan;
- (c) pencapaian semasa atau pencapaian tahun sebelumnya bagi KPI yang dipilih untuk dijadikan asas penetapan sasaran tahunan;
- (d) sumber maklumat bagi maksud pemantauan;
- (e) penetapan sasaran bagi setiap KPI;
- (f) kaedah pengiraan;
- (g) pihak-pihak lain yang terlibat dalam penilaian (sekiranya ada); dan
- (h) kaveat bagi sesuatu KPI (sekiranya ada).

Contoh Kamus KPI adalah seperti di **Lampiran B3 (Tier 2)** dan **Lampiran B4 (Tier 3 dan ke bawah)**.

16.3 Pemuktamadan Penjelasan Penetapan KPI (Kamus KPI) oleh Pegawai Penilai (PP)

Kamus KPI yang disediakan oleh PYD akan dikemukakan kepada PP untuk pengesahan dan pemuktamadan. Pemuktamadan Kamus KPI ini bermaksud PYD dan PP telah bersetuju dengan pemilihan dan penetapan sasaran KPI bagi tahun penilaian yang berkenaan. Sekiranya PP bersetuju dengan KPI dan sasaran yang ditetapkan, PP hendaklah menurunkan tandatangan di dalam dokumen Kamus KPI.

16.4 Laporan Pencapaian Tahunan KPI

Setiap PYD perlu mengemukakan laporan pencapaian KPI tahunan masing-masing kepada PP untuk tujuan penilaian berdasarkan format yang disediakan. Contoh format laporan pencapaian KPI bagi Pegawai Kumpulan Pengurusan Tertinggi adalah seperti di **Lampiran B5 (Tier 2)** dan **Lampiran B6 (Tier 3 dan ke bawah)**.

16.5 Pemuktamadan Pencapaian KPI oleh Pegawai Penilai (PP)

Laporan pencapaian KPI yang disediakan oleh PYD akan dikemukakan kepada PP untuk dimuktamadikan. Laporan pencapaian tahunan KPI yang dikemukakan kepada PP akan disemak berdasarkan perkara berikut:

- (a) tahap pencapaian berbanding sasaran yang telah ditetapkan dalam Kamus KPI;
- (b) kesahihan fakta/ data pencapaian berdasarkan dokumen pembuktian yang dikemukakan (sekiranya ada);
- (c) ketepatan pengiraan yang dilaporkan; dan
- (d) alasan dan masalah ketidakcapaian.

16.6 Penilaian Pencapaian KPI dan Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT)

Bagi tujuan penilaian prestasi tahunan PYD, pecahan markah penilaian adalah seperti di Jadual 6 berikut:

Jadual 6: Pecahan Markah Penilaian Prestasi Tahunan

Jawatan	Wajaran Markah KPI	Wajaran Markah LNPT	Jumlah Markah
Jawatan Utama	40%	60%	100%
Jawatan Gred Khas	50%	50%	100%

CONTOH TEMPLATE PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)
TIER 2

Kelompok	Dimensi Prestasi	Wajaran	Rating Markah				Petunjuk Prestasi Utama
			BT	OT	ET	ST	
Tanggungjawab Bersama Jabatan 	Kesan Kepada Masyarakat, Organisasi dan Perkhidmatan	20%	10	14	16	20	- Indeks Pencapaian <i>Balance Scorecard</i> (BSC) - Peratus Kepuasan Hati Pelanggan - Peratus Kepuasan Hati Warga
	Tadbir Urus & Akauntabiliti	40%	20	28	32	40	- Indeks Akauntabiliti <i>Star Rating</i> MAMPU
Program Secara Spesifik 	Penyampaian Fungsi Utama dan Penambahbaikan Proses	40%	20	28	32	40	- Peratus Pegawai Menghadiri Latihan Tujuh (7) Hari Setahun - Pencapaian Kualiti Pengendalian Program Latihan - Indeks Mutu Penyediaan Jawapan Parlimen dan Ulasan Kertas Kabinet - Indeks Kepuasan Pelanggan Dalam Terhadap Kemudahan Yang Disediakan - Pembentangan Kertas Kerja di <i>Event</i> Utama di Dalam dan Luar Agensi
Keberkesanan Peribadi 	Kepimpinan Transformasi Agensi	Penilaian bagi kelompok dan dimensi prestasi ini akan dinilai dalam Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT) menggunakan Borang JPA (Prestasi) 1/ 2012 dan Borang JPA (Prestasi) 2/ 2012 serta Penilaian Rakan Sejawat (RS) dan Pegawai Bawah Seliaan (PS) menggunakan Borang JPA (Prestasi) 5/ 2012.					

Nota: Sila rujuk Penjelasan Penetapan KPI (Kamus KPI) untuk penjelasan setiap KPI.

Disediakan oleh PYD

Nama :
Tandatangan :
Tarikh :


Disahkan oleh PPP

Nama :
Tandatangan :
Tarikh :

Dipersetujui oleh PPK

Nama :
Tandatangan :
Tarikh :

**CONTOH TEMPLATE PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)
TIER 3 DAN KE BAWAH**

Kelompok	Dimensi Prestasi	Wajaran	Rating Markah				Petunjuk Prestasi Utama
			BT	OT	ET	ST	
Tanggungjawab Bersama Jabatan 	Kesan Kepada Organisasi dan Perkhidmatan	20%	10	14	16	20	- Indeks Pencapaian <i>Balance Scorecard</i> (BSC) - Peratus Kepuasan Hati Pelanggan
	Tadbir Urus & Akauntabiliti	20%	10	14	16	20	- Indeks Akauntabiliti <i>Star Rating</i> MAMPU
Bahagian Secara Spesifik 	Penyampaian Fungsi Utama dan Penambahbaikan Proses	60%	30	42	48	60	- Perkhidmatan klinikal pembedahan plastik dan rekonstruktif - <i>Procedure laser</i> - Mengkaji, merancang dan memacu projek-projek ICT sektor awam yang merentasi agensi atau berimpak tinggi dan strategik Projek R&D - Pembangunan Sistem Aerodinamik dan Elektronik Rocket - Penyertaan Program <i>Proficiency Testing (Industrial hygiene, palm oil, alcohol, minerals and metals)</i> - Menghasilkan paten yang boleh dipindah dan digunakan dalam bidang nuklear
Keberkesanan Peribadi 	Kepimpinan Transformasi Agensi	Penilaian bagi kelompok dan dimensi prestasi ini akan dinilai dalam Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT) menggunakan Borang JPA (Prestasi) 1/ 2012 dan Borang JPA (Prestasi) 2/ 2012 serta Penilaian Rakan Sejawat (RS) dan Pegawai Bawah Seliaan (PS) menggunakan Borang JPA (Prestasi) 5/ 2012.					

Nota: Sila rujuk Penjelasan Penetapan KPI (Kamus KPI) untuk penjelasan setiap KPI.

Disediakan oleh PYD

Nama :
Tandatangan :
Tarikh :

Disahkan oleh PPP

Nama :
Tandatangan :
Tarikh :

Dipersetujui oleh PPK

Nama :
Tandatangan :
Tarikh :

CONTOH PENJELASAN PENETAPAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)
TIER 2

JAWATAN :
 JABATAN :
 TAHUN :

Tafsiran	Kaedah Pengukuran & Sasaran																											
KELOMPOK 1: Tanggungjawab Bersama Jabatan - Kesan Kepada Masyarakat, Organisasi dan Perkhidmatan																												
1. Indeks Pencapaian <i>Balance Scorecard (BSC)</i> Jabatan																												
KPI ini merujuk secara langsung kepada pengukuran prestasi Jabatan melalui sistem pengukuran prestasi iaitu BSC. Ia diukur melalui empat perspektif iaitu pelanggan, proses dalaman, kewangan dan juga pembelajaran & pembangunan.	BSC merupakan satu pendekatan yang berorientasikan strategi dalam pengurusan prestasi. Ukuran prestasi dibentuk daripada visi dan strategi Jabatan. Kaedah ini menyediakan satu rangka kerja berasaskan hierarki yang boleh digunakan oleh pihak pengurusan untuk menghubungkan aktiviti strategik yang unik dengan matlamat muktamad yang ingin dicapai. Purata pencapaian BSC bagi tahun 2008-2011 adalah seperti berikut: <table><tr><th>Tahun</th><th>Indeks BSC Jabatan</th></tr><tr><td>2008</td><td>7.14</td></tr><tr><td>2009</td><td>6.40</td></tr><tr><td>2010</td><td>7.32</td></tr><tr><td>2011</td><td>7.37</td></tr><tr><td>Purata:</td><td>7.06</td></tr></table> Sasaran bagi tahun 2012 adalah seperti di bawah: <table><tr><th>Rating</th><th>Markah</th><th>Indeks BSC Jabatan</th></tr><tr><td>BT</td><td>10</td><td><7.0</td></tr><tr><td>OT</td><td>14</td><td>7.0 – <7.5</td></tr><tr><td>ET</td><td>16</td><td>7.5 – <8.0</td></tr><tr><td>ST</td><td>20</td><td>≥8.0</td></tr></table>	Tahun	Indeks BSC Jabatan	2008	7.14	2009	6.40	2010	7.32	2011	7.37	Purata:	7.06	Rating	Markah	Indeks BSC Jabatan	BT	10	<7.0	OT	14	7.0 – <7.5	ET	16	7.5 – <8.0	ST	20	≥8.0
Tahun	Indeks BSC Jabatan																											
2008	7.14																											
2009	6.40																											
2010	7.32																											
2011	7.37																											
Purata:	7.06																											
Rating	Markah	Indeks BSC Jabatan																										
BT	10	<7.0																										
OT	14	7.0 – <7.5																										
ET	16	7.5 – <8.0																										
ST	20	≥8.0																										

Tafsiran	Kaedah Pengukuran & Sasaran																							
2. Peratus Kepuasan Hati Pelanggan Jabatan																								
KPI ini merujuk kepada tahap kepuasan pelanggan jabatan	Kewujudan dan pencapaian Jabatan perlulah memenuhi ekspektasi pelanggan. Tahap kepuasan pelanggan merupakan tanda ukur sama ada penyampaian perkhidmatan Jabatan memenuhi kehendak mereka. Skala yang diguna pakai adalah 1-10. Data didapati daripada Kajian Kepuasan Pelanggan Jabatan yang dilaksanakan sekali setahun. Purata kepuasan pelanggan diukur berdasarkan kriteria kualiti yang ditetapkan seperti berikut: ▪ Tempoh masa tindakan; ▪ Layanan disampaikan (kemesraan); ▪ Kesediaan berkongsi maklumat; ▪ Konsistensi dalam keputusan dan tindakan; ▪ Kemudahan perkhidmatan; ▪ Kualiti perkhidmatan; ▪ Profesionalisme; ▪ Ketelusan dalam memberi perkhidmatan; dan ▪ Kepentingan kebajikan. Purata pencapaian kepuasan hati pelanggan bagi tahun 2010 dan 2011 adalah seperti berikut: <table><tr><th>Tahun</th><th>Peratus Kepuasan Hati Pelanggan Jabatan</th></tr><tr><td>2010</td><td>6.19</td></tr><tr><td>2011</td><td>7.19</td></tr><tr><td>Purata:</td><td>6.69</td></tr></table> Sasaran bagi tahun 2012 adalah seperti di bawah: <table><tr><th>Rating</th><th>Peratus Markah</th><th>Purata Kepuasan Hati Pelanggan</th></tr><tr><td>BT</td><td>10</td><td><6.7</td></tr><tr><td>OT</td><td>14</td><td>6.7 - <6.9</td></tr><tr><td>ET</td><td>16</td><td>6.9 - <7.1</td></tr><tr><td>ST</td><td>20</td><td>≥7.1</td></tr></table>	Tahun	Peratus Kepuasan Hati Pelanggan Jabatan	2010	6.19	2011	7.19	Purata:	6.69	Rating	Peratus Markah	Purata Kepuasan Hati Pelanggan	BT	10	<6.7	OT	14	6.7 - <6.9	ET	16	6.9 - <7.1	ST	20	≥7.1
Tahun	Peratus Kepuasan Hati Pelanggan Jabatan																							
2010	6.19																							
2011	7.19																							
Purata:	6.69																							
Rating	Peratus Markah	Purata Kepuasan Hati Pelanggan																						
BT	10	<6.7																						
OT	14	6.7 - <6.9																						
ET	16	6.9 - <7.1																						
ST	20	≥7.1																						

Tafsiran	Kaedah Pengukuran & Sasaran																							
3. Peratus Kepuasan Hati Warga Jabatan																								
KPI ini merujuk kepada persepsi warga jabatan mengenai suasana dan persekitaran pejabat serta tugas.	Kepuasan warga merupakan elemen utama ke arah meningkatkan motivasi dan produktiviti yang akhirnya mampu memenuhi ekspektasi pelanggan. Ia juga menyumbang kepada keseronokan bekerja. Skala yang digunapakai ialah 1-10. Kepuasan hati warga Jabatan diukur berdasarkan elemen berikut:- - Iklim organisasi - Kepuasan kerja - Kelengkapan pejabat dan kemudahan fizikal lain - Tekanan di tempat kerja - Keseimbangan kerja dan kehidupan (<i>work-life balance</i>) Purata pencapaian indeks ini bagi tahun 2010 dan 2011 adalah seperti berikut: <table><tr><th>Tahun</th><th>Indeks Kepuasan Pelanggan</th></tr><tr><td>2010</td><td>5.08</td></tr><tr><td>2011</td><td>5.09</td></tr><tr><td>Purata:</td><td>5.085</td></tr></table> Sasaran bagi tahun 2012 adalah seperti berikut:- <table><tr><th>Rating</th><th>Peratus Markah</th><th>Indeks Kepuasan Pelanggan</th></tr><tr><td>BT</td><td>10</td><td><5.0</td></tr><tr><td>OT</td><td>14</td><td>5.0 - <6.0</td></tr><tr><td>ET</td><td>16</td><td>6.0 - <6.5</td></tr><tr><td>ST</td><td>20</td><td>≥6.5</td></tr></table>	Tahun	Indeks Kepuasan Pelanggan	2010	5.08	2011	5.09	Purata:	5.085	Rating	Peratus Markah	Indeks Kepuasan Pelanggan	BT	10	<5.0	OT	14	5.0 - <6.0	ET	16	6.0 - <6.5	ST	20	≥6.5
Tahun	Indeks Kepuasan Pelanggan																							
2010	5.08																							
2011	5.09																							
Purata:	5.085																							
Rating	Peratus Markah	Indeks Kepuasan Pelanggan																						
BT	10	<5.0																						
OT	14	5.0 - <6.0																						
ET	16	6.0 - <6.5																						
ST	20	≥6.5																						

Tafsiran	Kaedah Pengukuran & Sasaran																				
KELOMPOK 1: Tanggungjawab Bersama Jabatan - Tadbir Urus dan Akauntabiliti																					
4. Indeks Akauntabiliti																					
Penetapan <i>indeks akauntabiliti</i> oleh Jabatan Audit bertujuan untuk memudahkan pengukuran kualiti secara objektif pengurusan kewangan sesebuah jabatan.	Indeks Akauntabiliti diberi berdasarkan kepada tahap pematuhan peraturan kewangan berhubung dengan kawalan terhadap: ▪ Kawalan Pengurusan Organisasi ▪ Kawalan Bajet ▪ Kawalan Terimaan ▪ Kawalan Perbelanjaan ▪ Kawalan Pengurusan Kumpulan Wang Amanah / Akaun Amanah dan Deposit ▪ Kawalan Pengurusan Aset, Inventori dan Stor ▪ Pengurusan Pelaburan ▪ Pengurusan Pinjaman ▪ Penyata Kewangan <i>Rating</i> diberi berdasarkan tahap pencapaian indeks akauntabiliti yang dicapai: <table><tr><th><i>Rating</i></th><th>Peratus Markah</th><th><i>Star Rating</i></th><th>Tahap Pencapaian</th></tr><tr><td>BT</td><td>20</td><td>2 ☆</td><td><70%</td></tr><tr><td>OT</td><td>28</td><td>3 ☆</td><td>70% - <85%</td></tr><tr><td>ET</td><td>32</td><td>3 ☆</td><td>85% - <90%</td></tr><tr><td>ST</td><td>40</td><td>4 ☆</td><td>90% - 100%</td></tr></table>	<i>Rating</i>	Peratus Markah	<i>Star Rating</i>	Tahap Pencapaian	BT	20	2 ☆	<70%	OT	28	3 ☆	70% - <85%	ET	32	3 ☆	85% - <90%	ST	40	4 ☆	90% - 100%
<i>Rating</i>	Peratus Markah	<i>Star Rating</i>	Tahap Pencapaian																		
BT	20	2 ☆	<70%																		
OT	28	3 ☆	70% - <85%																		
ET	32	3 ☆	85% - <90%																		
ST	40	4 ☆	90% - 100%																		

Tafsiran	Kaedah Pengukuran & Sasaran																													
5. Star Rating MAMPU																														
Star Rating MAMPU merupakan satu kayu pengukur tahap kecemerlangan organisasi.	Penarafan Bintang (<i>Star Rating</i>) dilaksanakan mengikut tiga (3) komponen dengan aspek-aspek penilaian utama seperti berikut: ▪ Pengurusan • Pengurusan Organisasi • Pengurusan Kewangan • Pengurusan Sumber Manusia • Pengurusan Projek Pembangunan • Pengurusan ICT • Pengurusan Rekod ▪ Perkhidmatan Teras • Pengurusan Strategik • Dasar/ Program/ Aktiviti Utama ▪ Pengurusan Pelanggan • Perancangan Pengurusan Pelanggan • Interaksi dengan pelanggan • Prestasi Pengurusan Pelanggan • Budaya Berteraskan Perkhidmatan Pelanggan Penilaian penarafan bintang akan dianugerahkan berdasarkan pencapaian peratusan markah penilaian seperti berikut: <table><tr><th>Markah</th><th>Bintang Rating</th></tr><tr><td>90% - 100%</td><td>5 bintang</td></tr><tr><td>80% - 89.9%</td><td>4 bintang</td></tr><tr><td>70% - 79.9%</td><td>3 bintang</td></tr><tr><td>60% - 69.9%</td><td>2 bintang</td></tr><tr><td>50% - 59.9%</td><td>1 bintang</td></tr><tr><td>≤49.9%</td><td>Tiada bintang</td></tr></table> Bagi tahun 2012, rating ditetapkan adalah seperti berikut: <u>Rating:</u> <table><tr><th>Rating</th><th>Peratus Markah</th><th>Purata Penilaian</th></tr><tr><td>BT</td><td>20</td><td>≤ 2 bintang</td></tr><tr><td>OT</td><td>28</td><td>3 bintang</td></tr><tr><td>ET</td><td>32</td><td>4 bintang</td></tr><tr><td>ST</td><td>40</td><td>5 bintang</td></tr></table>	Markah	Bintang Rating	90% - 100%	5 bintang	80% - 89.9%	4 bintang	70% - 79.9%	3 bintang	60% - 69.9%	2 bintang	50% - 59.9%	1 bintang	≤49.9%	Tiada bintang	Rating	Peratus Markah	Purata Penilaian	BT	20	≤ 2 bintang	OT	28	3 bintang	ET	32	4 bintang	ST	40	5 bintang
Markah	Bintang Rating																													
90% - 100%	5 bintang																													
80% - 89.9%	4 bintang																													
70% - 79.9%	3 bintang																													
